



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	24/1/2017	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	NRE / JMG / BMG / BAUKSIT		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Tahap pencemaran bauksit dalam ikan rendah

Putrajaya: Pencemaran logam dalam ikan di beberapa sungai di Kuantan, Pahang, akibat kegiatan perlombongan bauksit adalah rendah dengan kepekatan di bawah paras maksimum yang dibenarkan mengikut Akta Makanan 1985.

Jabatan Perikanan, dalam satu kenyataan semalam, mengesahkan mengenai kajian berkaitan yang dilakukan Bahagian Pentaksiran Impak, Institut Penyelidikan Perikanan, Batu Maung, Pulau Pinang, pada Februari tahun lalu.

Kajian itu dibuat susulan tersebutnya laporan pada penghujung 2015 mengatakan kes pencemaran bauksit di Sungai Balok dan Sungai Penggorak menyebabkan air laut di kawasan itu bertukar menjadi merah, yang didak-

wa berpunca daripada bawaaan air hujan ketika musim tengkujuh.

Ekosistem akuatik

"Perhatian dan kajian lanjutan dibuat mengenai tahap pencemaran bauksit di perairan sekitar Kuantan di samping kesan pencemaran terhadap sumber perikanan dan ekosistem akuatik bertujuan menilai sama ada perlombongan bauksit memberi kesan negatif kepada sumber serta ekosistem perikanan.

"Sejumlah 25 spesies ikan (64 spesimen) diambil dari sungai berikut iaitu Sungai Balok, Sungai Penggorak, Sungai Riau, Sungai Mabok, Sungai Padan, Empangan Kobalt, Kuala Penur dan Tanjung Lumpur.

"Kajian menunjukkan pencemaran logam dalam ikan adalah rendah dengan kepekatan bawah paras maksimum yang dibenarkan dalam Akta Makanan 1985. Logam yang diperiksa, termasuk aluminium, besi, manganese, magnesium, zink, kadmium, kromium,

Fakta nombor

25 SPESIES

ikan (64 spesimen) diambil untuk pemerhatian dan kajian

plumbum, raksa, kuprum, arsenik dan selenium," katanya.

Mengikut Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, paras maksimum bagi plumbum, kadmium, raksa dan arsenik produk ikan tidak boleh melebihi satu miligram bagi setiap kilogram (mg/kg) atau 1,000 nanogram per gram (ng/g).

Kenyataan itu menyebut, contoh hasil kajian spesimen ikan Sungai Balok merekodkan bacaan plumbum pada kadar 0.45 ng/g, raksa pada kadar 0.04 ng/g, kadmium (0.07 ng/g), manakala arsenik (5.28 ng/g).

Selain memeriksa sampel ikan, sampel air dan sedimen atau kelodak dari sungai juga diambil untuk diperiksa kandungan logam.

"Logam besi dalam sedimen sekitar Sungai Balok serta sungai berdekatan Bukit Goh menunjukkan ada pengkayaan logam. Semhubungan itu, pemerhatian pencemaran logam dan perubahan dalam biodiversiti komuniti ikan dalam sungai berdekatan Bukit Goh sangat disyorkan," katanya.

Keratan akhbar BH
22 November lalu.

